

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI [ TUMPAT ]**

**SOALAN NO. 134**

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [ Tumpat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik bilangan kanak-kanak yang melalui pembelajaran '*home schooling*' di seluruh Malaysia.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

*Home schooling* bertujuan memberi peluang kepada kepada kanak-kanak yang menghadapi masalah kesihatan kronik dan memerlukan jagaan rapi oleh pihak ibu bapa untuk mendapat pendidikan formal di rumah. Selain itu, pembelajaran *home schooling* juga dapat memastikan kanak-kanak tidak tercicir untuk mendapatkan pendidikan wajib seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 (Pindaan) 2002. Malah kaedah pembelajaran ini dapat mendidik ibu bapa melaksanakan tanggungjawab menyekolahkan anak.

Konsep *home schooling* merupakan satu kaedah pembelajaran di rumah. Pembelajaran *home schooling* dilaksanakan berpandukan punca kuasa Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 14 Tahun 2002: Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Rendah 2003. Ibu bapa perlu mengemukakan permohonan pengecualian daripada mengikuti pendidikan wajib. Namun demikian kaedah persekolahan ini hanyalah satu keistimewaan dan

**NO. SOALAN: 134**

bukannya hak. Persekolahan biasa adalah diutamakan kepada kanak-kanak kerana ia merupakan satu cara untuk kanak-kanak dapat berinteraksi di antara satu sama lain.

Bagi tempoh lima (5) tahun bermula 2015 hingga 2018, KPM telah menerima sebanyak 10 permohonan untuk melaksanakan *home schooling*. Daripada jumlah tersebut, hanya dua (2) permohonan yang diluluskan. Sehingga 31 Januari 2019 hanya satu (1) permohonan *home schooling* diterima bagi tahun 2019 dan permohonan masih dalam proses kelulusan.

RT19/134